

30/09/1998

Pihak berkuasa sukar dapatkan empat saksi

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah sukar bagi pihak berkuasa untuk mendapatkan empat orang yang tidak mempunyai dosa besar untuk menjadi saksi terhadap sesuatu perbuatan liwat dalam keadaan masyarakat sekarang.

Menurut Perdana Menteri, ramai yang mendakwa diri mereka Islam tetapi tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar.

"Kita dapati ramai orang yang mendakwa diri sebagai orang Islam, tetapi mereka tidak mengamalkan ajaran Islam secara benar, pembohong, melempar fitnah dan ada orang Islam yang percaya kepada apa yang jelas tidak berpunca daripada agama Islam.

"Dalam masyarakat seperti ini, sukar untuk mencari empat saksi untuk melihat perbuatan liwat yang dilakukan oleh mana-mana pihak," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) pada persidangan khas Dewan Rakyat, hari ini.

Ketika perbahasan sebelum itu, Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) berkata bahawa dalam Islam, empat saksi yang baik dan tidak berdosa besar diperlukan untuk membuktikan perbuatan zina dan liwat.

Dr Mahathir berkata, biasanya mereka melakukan perbuatan itu tanpa dilihat sesiapa, tetapi ini tidak bermakna masyarakat tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka untuk membanteras kegiatan itu.

"Allah tahu apa yang mereka buat dan ini tidak bermakna masyarakat tidak perlu mengambil tindakan ke atas mereka kerana perbuatan itu boleh membawa bermacam-macam masalah kepada masyarakat," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada zaman sekarang, masyarakat sendiri perlu bertindak tegas apabila mengetahui ada antara mereka berkelakuan tidak bermoral.

Bagaimanapun, pada masa yang sama, mereka yang dituduh pula sepatutnya membersihkan diri mengikut peraturan yang tertib dan bukannya mengambil tindakan yang mengancam keselamatan negara seperti yang dilakukan Anwar.

"Mereka tidak akan dianggap salah sebelum didapati salah. Tetapi mereka hendaklah membenarkan diri mereka diadili mengikut cara-cara yang dikenakan juga kepada orang lain.

"Mereka tidak mempunyai keistimewaan sama-sekali walaupun mereka pembesar negara atau bekas pembesar negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, undang-undang akan dikuatkuasakan untuk menentukan sama ada orang yang dituduh bersalah atau sebaliknya.

"Inilah proses keadilan yang mampu kita buat di dalam negara kita.

"Di negara kita ini ada banyak yang mengutamakan politik, yang suka melempar fitnah dan sebagainya. Dengan itu masyarakat kita tidak menjadi masyarakat Islam yang sempurna dan tiada cacat cela.

"Oleh itu, kita ingin mendapatkan kerjasama daripada orang yang tertentu supaya mereka menolong tidak mentafsir agama Islam untuk kepentingan politik," katanya.

Menjawab soalan Abdul Hadi, Perdana Menteri berkata, kedudukan negara mempunyai dua Menteri Kewangan yang sementara kerana kerajaan akan menentukan sama ada untuk mendapatkan seorang menteri kewangan baru.

Mengulas komen Naib Presiden Pas mengenai sistem kewangan negara yang masih tidak mengamalkan sistem perbankan Islam secara keseluruhan, Dr Mahathir berkata, Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan sukar untuk melaksanakan sistem terbabit.

Menurutnya, kerajaan perlu bertindak berhati-hati kerana ramai juga

orang asing yang berurusan dengan institusi kewangan negara ini.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia kini sudah terkenal sebagai antara negara yang paling giat melaksanakan sistem perbankan Islam, terutama melalui Bank Islam dan ia menjadi contoh kepada negara Islam lain.

(END)